

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JTW 402 – PENGURUSAN STRATEGIK**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan akan dinilai berasaskan 100 markah.

...2/-

1. Kepimpinan yang transformatif dan berwawasan adalah salah satu keperluan utama bagi membolehkan sesebuah organisasi diuruskan secara strategik. Untuk itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) perlu memikul tanggungjawab selaku perancang dan pelaksana strategi yang utama (“as a Chief Strategy Maker and a Chief Strategy Implementer”). Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh pemimpin dalam kes “Andrea Jung’s Makeover of Avon Products, Inc.”  
(100 markah)
2. Salah satu proses dalam Pengurusan Strategik yang komprehensif dan berterusan adalah Pelaksanaan (Implementing and Executing Strategy). Bagi membolehkan peranan ini dimainkan dengan berkesan, pengurusan organisasi perlulah mempunyai daya kreativiti, inovatif dan inventif serta berupaya menghadapi cabaran dan ancaman. Kupaskan kenyataan ini dengan memberi contoh kepada pengalaman yang dilalui oleh pengurusan Southwest Airlines, Inc. ATAU AirAsia.  
(100 markah)
3. Empat langkah kawalan dan penilaian dalam Pengurusan Strategik adalah fokus pengesanan, skop pemantauan, panduan pengawasan serta tindakan maklumbalas dan rancang-semula. Kupaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil ke atas mana-mana DUA daripada langkah-langkah tersebut.  
(100 markah)
4. Tindakan memadamkan strategi kepada situasi syarikat yang paling mencabar adalah apabila berada dalam industri yang lemah dan dalam krisis. Bincangkan (a) ciri-ciri situasi yang sedemikian, khususnya dengan mengupaskan persoalan kenapa dan bagaimana ianya berlaku, serta (b) bincangkan strategi-strategi alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh pihak pengurusan dalam keadaan yang sebegini, khususnya mengenai tindakan yang dikenali sebagai strategi “End-Game”.  
(100 markah)
5. Diversifikasi adalah salah satu strategi yang digunakan oleh firma perniagaan untuk berkembang. Bincangkan (a) justifikasi, (b) bentuk, (c) asas pertimbangan dalam memilih strategi ini serta (d) berikan satu contoh pengalaman sebuah syarikat multi-nasional di Malaysia yang mengamalkan strategi tersebut.  
(100 markah)